



SIARAN MEDIA

PERSIDANGAN TRANSFORMASI KEPIMPINAN MUDA

Kuala Lumpur, 23 Januari 2014 – Kepelbagaian generasi dalam tenaga kerja kini yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) generasi iaitu *Baby Boomers*, Generasi X dan Generasi Y telah memberi kesan dan perubahan kepada organisasi akibat perubahan yang dibawa oleh Generasi Y. Kepelbagaian ini telah mengubah landskap tenaga kerja yang mewujudkan jurang dari segi aspek keutamaan, sikap dan gaya kerja.

Generasi Y menguasai 40% daripada tenaga kerja semasa dalam pasaran buruh di kebanyakan negara-negara ASEAN dan jumlah ini dijangka meningkat sehingga 75% dalam tempoh masa yang singkat. Sudah pasti jurang generasi akan menjadi lebih besar sekiranya tidak diatasi dengan strategi dan formula yang lebih anjal dan fleksibel.

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia telah menyampaikan ucap tama dan juga merasmikan persidangan tersebut. Dianggarkan seramai 500 orang peserta menghadiri persidangan ini di INTAN, Bukit Kiara.

“Pemimpin muda ini adalah barisan pemimpin masa hadapan negara (*nexgen leaders*). Mereka ini terdiri daripada kumpulan yang besar yang mampu menggerak perubahan atau transformasi yang lebih besar. Mereka mempunyai harapan dan cita-cita yang tinggi dan keupayaan mereka adalah sangat luas seperti dunia pada masa ini tanpa sempadan.”

Justeru persidangan sepanjang dua (2) hari ini yang berlangsung dari 23 hingga 24 Januari ini adalah bertujuan untuk melihat keseluruhan ekosistem pengurusan bakat khususnya aspek pembangunan kepimpinan selaras dengan era transformasi yang sedang dilalui. Persidangan ini juga akan melihat isu-isu yang dihadapi oleh pelbagai sektor yang melibatkan pelbagai generasi selain meneroka strategi dalam menghadapi cabaran.

Persidangan kali ini yang bertemakan “Bridging the Gap” bersesuaian dengan objektifnya untuk meningkatkan kefahaman dalam kalangan penjawat awam mengenai kepentingan mengurus perubahan landskap tenaga kerja yang pelbagai dan efektif.

Antara pembentah jemputan yang hadir dalam persidangan ini ialah YBhg. Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, Angkasawan Pertama Malaysia. Seramai Sembilan (9) orang ahli panel dan lima (5) orang pembentang dari sektor awam dan swasta telah dijemput dalam persidangan ini.

Persidangan kali ini memfokus kepada pengurusan bakat khususnya Gen Y dalam persekitaran kerja pelbagai generasi samada awam mahupun swasta. Persidangan ini juga mampu memberi ruang dan peluang untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat dalam menelusuri era transformasi masa ini dengan memanfaatkan kepelbagaian generasi.

-Tamat

Disediakan oleh:

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205
Emel: melinda@intanbk.intan.my
22 Januari 2014